

PROSEDUR PERMOHONAN LESEN IMPORT ROKOK / TEMBAKAU / MINUMAN KERAS DI BAWAH PERATURAN 42, PERATURAN- PERATURAN KASTAM 2019

1. Permohonan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras (RMK) melalui Borang Kastam No.12

Di bawah **Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kastam 2019**, sebarang pengimportan barangan tembakau, liquor memabukkan dan spirit denaturasi adalah tertakluk kepada suatu lesen yang dikeluarkan oleh atau di bawah arahan Ketua Pengarah Kastam.

Berkuatkuasa 1 April 2017, barangan di dalam **Butiran 66 dan 67 di bawah Bahagian I, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017** adalah tertakluk kepada Lesen Import yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam. Kod tarif bagi butiran-butiran berkenaan adalah seperti berikut:-

(1) Butiran <i>Item</i>	(2) Keterangan Barangan <i>Description of Goods</i>	(3) Bab / Kepala / Sub-Kepala <i>Chapter / Heading / Subheading</i>	(4) Negara <i>Country</i>	(5) Cara Import Yang Diperuntukkan <i>Manner of Import</i>
66.	Tobacco and manufactured tobacco	24.01, 24.02, 24.03	All countries	“That the import is accompanied by an import license issued by the Director General except for goods— (i) in the course of transshipment in a full container load; (ii) intended for private consumption; or (iii) intended for the official use of the embassy, consular office or international organization”
67.	(1) Fermented alcoholic and distilled alcoholic beverages of an alcoholic	22.03, 22.04, 22.05, 22.06, 22.08	All countries	“That the import is accompanied by an

strength by volume of 1.14% or higher		import license issued by the Director General except for goods— (i) in the course of transshipment in a full container load; (ii) intended for private consumption; or (iii) intended for the official use of the embassy, consular office or international organization”
(2) Denatured ethyl alcohol and spirit of any strength	2207.20	
(3) Undenatured ethyl alcohol and spirit of an alcoholic strength by volume of 1.14% or higher.	2207.10, 2208.90	

2. Siapakah Yang Perlu Memohon Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras atau Kelulusan Pengimportan?

Permohonan lesen atau kelulusan pengimportan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 90 hari sebelum pengimportan dilakukan.

Setiap permohonan pengimportan bagi barangan Rokok, Tembakau (selain daripada rokok dibawah kod tarif 2402.20.2000 & 2402.20.9000) dan Minuman Keras (termasuk *ethyl alcohol*) hendaklah dibuat secara berasingan.

2.1. Syarikat / Perniagaan

Syarikat / Perniagaan yang membuat pengimportan hendaklah memohon Lesen Import terlebih dahulu sebelum mengimport barangan RMK masuk ke dalam Malaysia. Keperluan lesen import ini adalah termasuk barangan RMK transit.

2.2. Kedutaan Asing

Pihak Kedutaan Asing yang ingin mengimport barangan RMK bagi kegunaan rasmi kedutaan adalah tidak tertakluk kepada lesen import. Namun, pengimportan yang dibuat selain dibawa bersama secara *hand carry* semasa memasuki Malaysia hendaklah mendapatkan kelulusan pengimportan terlebih dahulu sebelum dilepaskan dari kawalan kastam

2.3. Pengimport

Pengimportan bagi tujuan kegunaan peribadi dan bukan untuk jualan adalah dikecualikan dari keperluan lesen import. Namun pengimportan tersebut hendaklah tidak melebihi had yang ditetapkan seperti berikut:

Barangan	Had
Minuman Keras @ Bir	3 liter @ 8 liter
Rokok	200 batang
Tembakau	225 gram

- Pengimportan melebihi had seperti yang telah ditetapkan, akan ditahan di bawah Seksyen 114 Akta Kastam 1967. Pengimport hendaklah membuat permohonan serta mendapatkan kelulusan pengimportan daripada JKDM Negeri yang berhampiran sekiranya ingin menuntut barangan RMK yang telah ditahan.
- Pengimportan bagi kegunaan peribadi akan dilepaskan daripada kawalan kastam setelah mematuhi perkara berikut:
 - i) Membayar duti / cukai yang terlibat.
 - ii) Kadar duti / cukai ke atas barangan yang dipungut adalah mengikut kadar spesifik yang telah ditetapkan setelah mengambil kira had pengecualian yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Duti Kastam (Pengecualian) yang sedang berkuatkuasa.

3. Apakah Syarat-Syarat untuk memohon Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras dan Kelulusan Pengimportan?

A. Syarikat

Syarat-syarat permohonan Lesen Import RMK bagi Syarikat / Perniagaan adalah seperti berikut:

i) Permohonan Baharu atau Pembaharuan Lesen Import RMK

- Pemohon merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Syarikat. Sekiranya pemohon adalah wakil syarikat, surat lantikan / pemberian kuasa yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu dikemukakan;
- Mempunyai Lesen Perniagaan yang sah;
- Mempunyai Modal Berbayar (Paid-Up Capital) sebanyak RM350,000 bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad. Bagi Syarikat Milikan Tunggal atau Perkongsian mestilah mempunyai baki sekurang-kurangnya RM350,000 di dalam bank bagi permohonan baharu manakala bagi permohonan pembaharuan baki bank mestilah mencecah RM350,000 sekali dalam tempoh pelesenan sebelumnya;
- Syarikat tidak pernah disenarai hitam oleh JKDM;

- Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Syarikat tidak disenarai hitam oleh JKDM dalam tempoh 5 tahun dari tarikh permohonan lesen;
- Syarikat tidak mempunyai tunggakan Akaun Belum terima (ABT) dengan Jabatan;
- Mempunyai stor simpanan di dalam Zon Bebas atau tempat penyimpanan di dalam pelabuhan untuk menyimpan RMK import bagi pasaran luar negara (disokong dengan dokumen milikan gudang atau kontrak sewaan);
- Memiliki stor simpanan berstatus Gudang Berlesen untuk menyimpan RMK import yang belum berbayar duti / cukai (disokong dengan dokumen milikan gudang atau kontrak sewaan);
- Mempunyai pembekal dari luar negara yang sah (disokong dengan surat pelantikan yang sah / perjanjian dan sebagainya);
- Mempunyai pengedar yang sah sekiranya melantik pengedar (disokong dengan surat lantikan pengedar);
- Mempunyai Lesen Peniaga Borong yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 (bagi pengimportan minuman keras sahaja); dan
- Mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan, undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan RMK yang sedang berkuat kuasa (bagi permohonan pembaharuan lesen import sahaja).

ii) Permohonan Pembaharuan Lesen Import RMK (Transit / Transshipment)

- Pemohon merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik syarikat. Sekiranya pemohon adalah wakil syarikat, surat lantikan / pemberian kuasa yang telah disahkan oleh Pewxsuruhjaya Sumpah perlu dikemukakan;
- Mempunyai Lesen Perniagaan yang sah;
- Mempunyai Modal Berbayar (Paid-Up Capital) sebanyak RM100,000 bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad. Mempunyai sekurang-kurangnya RM50,000 di dalam penyata bank terkini bagi Syarikat Milikan Tunggal atau Perkongsian;
- Syarikat tidak pernah disenarai hitam oleh JKDM;
- Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Syarikat tidak disenarai hitam oleh JKDM dalam tempoh 5 tahun dari tarikh permohonan lesen;
- Syarikat tidak mempunyai tunggakan Akaun Belum terima (ABT) dengan Jabatan;
- Mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan, undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan RMK yang sedang berkuat kuasa.

B. Kelulusan Pengimportan bagi Kedutaan Asing

- Pengimportan hanya untuk kegunaan diplomat atau kedutaan berkenaan sahaja
- Pemohon perlu mengemukakan surat pengesahan rasmi dari pihak kedutaan bahawa barang yang diimport adalah untuk kegunaan diplomat atau kedutaan berkenaan
- Pembelian import yang dilakukan oleh kedutaan hendaklah diluluskan oleh Bahagian Protokol, Kementerian Luar Negeri Malaysia.

- Namun, pembelian import yang dilakukan oleh diplomat adalah tidak tertakluk kepada kelulusan pembelian Bahagian Protokol, Kementerian Luar Negeri Malaysia.

C. Kelulusan Pengimportan bagi Kegunaan Peribadi

- Pengimportan hanya untuk kegunaan peribadi pemohon sahaja dan bukan untuk jualan.
- Pemohon merupakan individu / pengerusi pertubuhan / pemilik syarikat / wakil yang dilantik secara sah oleh pertubuhan / syarikat.
- Sekiranya pemohon adalah wakil, surat lantikan / pemberian kuasa yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu dikemukakan

4. Yuran Lesen Dan Tempoh

- Yuran Lesen Import RMK yang dikenakan adalah sebanyak RM4,800.00 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Lapan Ratus) seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan 43(2), Peraturan-Peraturan Kastam 2019 yang berkuat kuasa. Tiada yuran dikenakan ke atas pengimportan yang diluluskan bagi kegunaan peribadi dan kedutaan asing.
- Tempoh kelulusan lesen bagi syarikat adalah selama 12 bulan sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan 43(3), Peraturan-Peraturan Kastam 2019
- Bagi kelulusan pengimportan yang dikeluarkan untuk kegunaan peribadi dan kedutaan asing, kelulusan hanya boleh digunakan sebanyak satu kali pengimportan sahaja (*one-off*).

5. Urusetia Pelesenan Rokok, Tembakau dan Minuman Keras Ibu Pejabat

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan prosedur permohonan berkaitan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras, sila hubungi **03-8882 2773 / 03-8882 2958 / 03-8882 2637** atau e-mel: pelesenan.rmkk@customs.gov.my

6. Borang Permohonan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras

Borang Permohonan dan Panduan Permohonan Lesen Import boleh dimuat turun melalui pautan di bawah.

1. Permohonan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras Untuk Kedutaan / Kegunaan Peribadi

[B1-KEDUTAAN&KEGUNAAN PERIBADI.zip](#)

2. Permohonan Baru Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras

[B2-BAHARU.zip](#)

3. Permohonan Pembaharuan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras

[B3-PEMBAHARUAN.zip](#)

4. Permohonan Pembaharuan Lesen Import Rokok / Tembakau / Minuman Keras Bagi Aktiviti In-Transit / Transshipment

[B4-PEMBAHARUAN_TRANSIT.zip](#)

5. Permohonan Tambahan Pembekal / Jenama / Kualiti

[B5-TAMBAHAN PEMBEKAL JENAMA KUANTITI.zip](#)

*Permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada JKDM Negeri yang berhampiran untuk diproses.

7. Makluman terkini berkaitan barangan Rokok / Tembakau / Minuman Keras

- Pengeluaran Lesen Baharu bagi rokok telah dibekukan melalui pengumuman Belanjawan 2021 mulai 1 Januari 2021.
- Selaras dengan pembentangan dasar belanjawan 2021, mulai 1 Julai 2021 tiada pengecualian duti diberikan ke atas pengimportan rokok dan produk tembakau. Sehubungan itu kesemua pengimportan rokok dan produk tembakau adalah tertakluk kepada duti dan cukai yang terlibat. Cukai yang dimaksudkan adalah termasuk duti import, duti eksais dan SST.
- Kadar duti/cukai ke atas rokok/tembakau/minuman keras adalah mengikut kadar duti spesifik yang telah ditetapkan. Dilampirkan pautan kadar duti untuk rujukan:
- Perintah Duti Kastam 2022 - [http://www.customs.gov.my/en/pg/Customs%20Order/P.U.%20\(A\)%20114%200-%20Peintah%20Duti%20Kastam%202022.pdf](http://www.customs.gov.my/en/pg/Customs%20Order/P.U.%20(A)%20114%200-%20Peintah%20Duti%20Kastam%202022.pdf)
- Perintah Duti Eksais 2022 - [http://www.customs.gov.my/ms/pg/Perintah%20Eksais/P.U.\(A\)%20163%20-%20Perintah%20Duti%20Eksais%202022.pdf](http://www.customs.gov.my/ms/pg/Perintah%20Eksais/P.U.(A)%20163%20-%20Perintah%20Duti%20Eksais%202022.pdf)
- Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022 - http://mysst.customs.gov.my/assets/document/SST%20Orders/order/Order_B M.html